UNIT INTEGRITI

MBPJ

UNIT INTEGRITI

BERINTEGRITI • **BERAKAUNTABILITI** • **BERKOMPETENSI**

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia & Mampan

www.mbpj.gov.my pjcitycouncil Majlis Bandaraya Petaling Jaya

MBPJ

UNIT INTEGRITI

MISI

Memantapkan prinsip tadbir urus, integriti dan anti-rasuah dengan meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan di kalangan warga kerja MBPJ.

VISI

Menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah.

MOTO

MBPJ: Berintegriti, Berakauntabiliti dan Berkompetensi

PRINSIP DAN NILAI

Berintegriti, Prihatin, Proaktif dan Inovatif

PIAGAM PELANGGAN

UNIT INTEGRITI

1. Memastikan semua aduan integriti direkodkan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

2. Mengemukakan surat pemakluman keputusan Lembaga Tatatertib dalam tempoh (7) tujuh hari bekerja dari tarikh 'prosiding'

3. Memantapkan pemahaman dan penghayatan nilai integriti untuk warga kerja MBPJ bersama dengan pihak berkepentingan (melalui pelaksanaan program pengukuhan integriti (5) lima kali setahun

FUNGSI TERAS
UNIT INTEGRITI

1. TADBIR URUS

Mencadangkan penambahbaikan serta pembaharuan kepada dasar/ arahan/ sistem dan prosedur dalam MBPJ:

a. Menyelaras laporan jawatankuasa tatakelola Majlis dan AIMS di Mesyuarat Pengurusan Majlis dan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Majlis.

b. Mengurus setiakan permohonan kerja luar, politik dan kelulusan hadiah.

c. Membangun dan menilai Pelan Antirasuah (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).

d. Memastikan Majlis memperoleh/memperbaharui pensijilan ABMS.

e. Membangun dan mengemaskini sistem ADUAN DAN MAKLUMAT Integriti.

2. PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahiaku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi:

a. Menyalurkan aduan salah laku tatatertib dan jenayah berkaitan penjawat awam kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.

b. Mengambil tindakan tatatertib terhadap aduan salah laku warga kerja MBPJ

3. PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi:

a. Mengendalikan dan melaksanakan ceramah/ seminar/ program/ kursus atau bengkel mengikut sasaran tahunan Unit Integriti.

4. PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa:

a. Melaksanakan Naziran Integriti ke atas pematuhan peraturan, prosedur kerja, dan pelanggaran tatakelakuan dari semasa ke semasa di MBPJ.

b. Melaksanakan pemeriksaan urin mengejut

c. Memantau pematuhan kad perakam waktu bagi memastikan warga MBPJ mematuhi etika kehadiran dan mengenakan tindakan mengikut peraturan perkhidmatan yang berkuat kuasa.

5. PENGESANAN & PENGESAHAN

Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil:


a. Membuat siasatan terhadap salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dengan menyediakan Laporan P&P kepada pihak pengurusan atasan (Datuk Bandar) untuk ulasan dan syor.

6. TATATERTIB

Memastikan setiap salahlaku dan pelanggaran tatakelakuan diambil tindakan sewajarnya:

a. Mengendalikan Pengurusan Tatatertib dan melaksanakan fungsi urusetia Lembaga Tatatertib.

CARTA ORGANISASI
UNIT INTEGRITI



HUBUNGI

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Unit Integriti Tingkat 21, Menara MBPJ
03-7954 0268 | 03-7954 0269 Surat-Menyurat
unitintegriti@mbpj.gov.my https://integriti.mbpj.gov.my/

LOGO

LINGKARAN / BULATAN

Melambangkan pemeliharaan integriti yang berdaya tahan di MBPJ

PERISAI

Melambangkan pengukuhan integriti di kalangan warga MBPJ

LOGO MBPJ

Melambangkan organisasi keutamaan bagi pemantapan amalan integriti di kalangan warganya dalam usaha mewujudkan tadbir urus yang terbaik dan berintegriti

TANGAN

Melambangkan kesungguhan dan kesepaduan dalam memartabatkan amalan integriti dalam diri warga MBPJ

WARNA HITAM
Melambangkan keutuhan dan ketegasan

WARNA PUTIH
Melambangkan kesucian dan ketelusan

WARNA EMAS
Melambangkan keyakinan dan kejayaan